

## **Pilihan raya kampus UTM, UTHM 28 Nov.**

JOHOR BAHRU 21 Nov. - Pilihan raya kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi memilih perwakilan pelajar yang baharu bagi sesi akademik 2013/2014 akan dijalankan pada 28 November ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni) UTM, Prof. Dr. Mohd. Ismail Abd. Aziz berkata, pilihan raya kali ini mempertandingkan 15 kerusi umum dan 36 kerusi fakulti.

Menurutnya, sebanyak 12,000 penuntut UTM di dua kampus iaitu di Skudai dan Kuala Lumpur yang merupakan warga Malaysia dan mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda dan diploma layak mengundi.

Sementara itu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menyaksikan penamaan calon pada 19 November lalu telah menetapkan 28 November sebagai tarikh pengundian.

UTHM dalam kenyataan memaklumkan, penuntut boleh menyemak daftar pemilih di fakulti, pusat pengajian dan kolej kediaman masing-masing pada 21 hingga 26 November ini.